

TARIKH	25 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	24A	RUANGAN	Setempat

Perjalanan tunai wukuf

Dua juta jemaah bergerak ke Mina, Padang Arafah



Lambaian Kaabah

MAKKAH: Seramai 28,000 jemaah haji Malaysia adalah antara dua juta jemaah haji dari seluruh dunia yang bergerak ke Mina dan Padang Arafah untuk berwukuf hari ini, menyebabkan jalan-jalan utama di kota Makkah sesak teruk.

Pergerakan jemaah haji Malaysia bermula jam 12.30 tengah hari (jam 5.30 petang waktu Malaysia), melalui perjalanan sejauh 20 kilometer dengan bas dan dijangka berakhir pada pukul 12 tengah malam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, jemaah haji Malaysia berada dalam semangat yang tinggi kerana inilah kemuncak ibadah haji mereka.

"Saya dapat merasai kegembiraan dan penantian mereka sepanjang 30 hari, ada yang 20 hari lebih, menanti saat-saat berwukuf kerana inilah kemuncak penyempuraan ibadah haji bagi para jemaah kita," katanya kepada pemberita semasa meninjau persiapan jemaah haji Malaysia di beberapa buah petempatan di sini.



"Saya dapat merasai kegembiraan dan penantian mereka sepanjang 30 hari, ada yang 20 hari lebih, menanti saat-saat berwukuf kerana inilah kemuncak penyempuraan ibadah haji bagi para jemaah kita"

>Datuk Seri Jamil Khir Baharom

Beliau berharap rakyat Malaysia mendoakan agar semua pergerakan dan aktiviti ibadah jemaah haji di

Padang Arafah dan Mina berjalan baik dan lancar.

Sementara itu, Pengurus Media Tabung Haji, Mohamad Naser Jaffar berkata 800 petugas Tabung Haji digerakkan secara berperingkat seawal jam 7.30 pagi bagi memastikan segala persediaan awal untuk menerima ketibaan jemaah haji Malaysia sudah disempurnakan.

"Cuaca masih panas walaupun hujan mula turun di Makkah sejak dua tiga hari lepas. Kita berdoa supaya hujan tidak turun dengan lebat di Padang Arafah nanti kerana akan menyukarkan pergerakan jemaah," katanya.

Tinjauan Bernama mendapati, ribuan jemaah dalam berihram menaiki bas dan jemaah yang kurang mampu menaiki apa sahaja kenderaan untuk bergerak ke Mina sambil melaungkan "Labbaik Allah Humma Labbaik".

Kawasan lapang di Arafah sudah dibahagikan kepada beberapa bahagian untuk negara-negara yang menghantar jemaah dan antara perkhemahan terbesar adalah milik Turki, Iran, Indonesia, Pakistan dan Mesir.

Dalam pada itu, kerajaan Arab Saudi juga menempatkan beribu-ribu anggota keselamatan di Makkah, Arafah, Muzdalifah dan Mina bagi memastikan keselamatan seluruh jemaah haji terjamin. -Bernama